

22 SEP 1997

Jerebu-Keliru

PENDUDUK SARAWAK KELIRU STATUS DARURAT JEREBU

KUCHING, 22 Sept (Bernama) -- Ramai penduduk di sini hari ini keliru sama ada arahan Darurat Jerebu yang bermula Jumaat lepas masih berkuatkuasa atau sebaliknya.

Rancangan radio "Selamat Pagi Bumi Kenyalang" siaran RTM Kuching menerima panggilan bertubi-tubi daripada orang ramai yang meluahkan rasa marah-marah dan ingin tahu sama ada mereka perlu menghantar anak ke sekolah dan mula bekerja hari ini.

Pengacara rancangan itu Jamayah Pawi terpaksa melayan panggilan-panggilan itu sehingga Majlis Keselamatan Negeri mengeluarkan kenyataan pada jam 7.30 pagi untuk menerangkan keadaan sebenar.

Arahan darurat itu dikeluarkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad setelah Indeks Pencemaran Udara (IPU) di negeri itu jauh melebihi tahap berbahaya antara 301 dan 500.

Berikutan itu, semua pejabat kerajaan dan swasta, sekolah, kilang, ladang, pembinaan dan kuari diarah menghentikan operasi.

Bagaimanapun, tempat makan, pasar, pasar raya, klinik, farmasi dan pekhidmatan penting masih dibenarkan beroperasi.

Mej Kamaruddin Ahmad dari bilik gerakan pejabat Majlis Keselamatan Sarawak berkata sekolah, tadika dan kilang masih belum dibenarkan dibuka manakala pejabat kerajaan pusat dan negeri serta bank akan dibuka hari ini.

Beliau juga berkata terserahlah kepada budi bicara ketua jabatan dan agensi berkenaan sama ada akan menghantar pekerja mereka untuk tugas luar.

Bacaan IPU dibaca melalui radio setiap jam bagi memberi maklumat kepada orang ramai tentang tahap kualiti udara.

Bacaan IPU pada 9 pagi adalah 569 daripada 560 pada 8 pagi, 551 pada 7 pagi dan 473 pada 1 pagi.

Sesetengah pemanggil mempersoalkan ketepatan bacaan IPU yang diberi kerana keadaan jerebu kelihatan lebih tebal dan kadar penglihatan lebih buruk daripada Jumaat lepas semasa pengumuman darurat dibuat.

Mej Kamaruddin berkata keadaan itu tidak semata-mata disebabkan oleh jerebu tetapi ia juga disebabkan kabus berikutan operasi pembenihan awan yang dilakukan Jabatan Perkhidmatan Kaji Cuaca dan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM).

Katanya keadaan akan bertambah baik pada tengah hari ini apabila kabus mulai hilang. -- BERNAMA

OPP/CJ NI